

Kumpulan UMSKAL raih Anugerah Emas

NST 7.7.13 3
LABUAN: Kumpulan KAL Team yang mewakili Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) meraih Anugerah Emas di Konvensyen Team Excellence Wilayah Sabah dan Sarawak 2013 di The Pacific Sutera, Kota Kinabalu pada Khamis.

Kumpulan itu yang diwakili ketua pasukan, Eldayana Suhaili, Zek Jas, Mohd Quazly Arifin, Abd Sofian Abd Ghani, Nurulhuda Leman dan Dorathy Chew menerima trofi dan sijil penghargaan daripada Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah, Datuk Bolkiah Ismail yang mewakili menterinya Datuk Raymond Tah.

Konvensyen tersebut yang dianjurkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sabah akan memilih wakil Wilayah Sabah dan Sarawak ke peringkat kebangsaan di Gambang, Pahang pada 1 - 3 Oktober depan. Sementara itu, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah mengucapkan tahniah dan syabas atas kejayaan kumpulan KAL Team tersebut.

Dr Ismail berkata, kejayaan tersebut amat membanggakan seluruh warga UMSKAL serta mampu meningkatkan motivasi kepada pegawai, penyarah dan kakitangan



untuk terus mengamalkan amalan 5S di kampus tersebut.

Beliau berharap kejayaan itu akan berterusan bukan sahaja dalam Amalan 5S tetapi juga dalam bidang-bidang lain yang disertai UMSKAL sama ada di peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah maupun kebangsaan.

Katanya, Jawatankuasa Induk Amalan 5S yang diterajui Baharin Entoh perlu bekerja lebih keras bagi memastikan kejayaan yang lebih besar di kebangsaan Oktober depan.

**EMAS ...
Kumpulan
UMSKAL
berjaya
meraih
Anugerah
Emas di
Konvensyen
Team
Excellence
Wilayah
Sabah dan
Sarawak 2013
di The Pacific
Sutera, Kota
Kinabalu.**

Sementara itu, Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli turut mengucapkan tahniah kepada Kumpulan UMSKAL kerana berjaya mengharumkan nama Wilayah Persekutuan Labuan dan berdoa semoga mereka beroleh kejayaan di peringkat kebangsaan kelak.

Sebanyak 11 kumpulan dari Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan serta Semenanjung Malaysia menyertai konvensyen berkenaan. **-OLEH JAIN-UDIN DJIMIN (jainudin@newsabah-times.com.my)**